



SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA**

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) SELANGOR MULA BEROPERASI HARI INI

Adalah dimaklumkan bahawa Pusat Transformasi Bandar (UTC) Selangor mula beroperasi pada hari ini, 15 Ogos 2018 di alamat berikut:

UTC Selangor
Anggerik Mall
No. 5, Jalan 14/8
Seksyen 14
4000 Shah Alam, Selangor

Berkeluasan keseluruhan 46,778 kps (tidak termasuk *common area* dan lot-lot perniagaan), proses pengubahsuaian UTC Selangor telah mengambil tempoh 10 minggu.

Terdapat 20 Agensi yang ditempatkan di UTC Selangor iaitu dengan pecahan berikut; 10 Agensi Kerajaan Persekutuan, 1 Agensi Negeri, 7 Badan Berkanun dan 2 Badan Bukan Berkanun (NGO). Senarai 20 Agensi ini boleh dirujuk di Lampiran A.

Bangunan Anggerik Mall merupakan kompleks membeli belah tiga tingkat yang turut menempatkan MARA Digital Mall, pelbagai lot perniagaan dan Pejabat MARA Negeri Selangor, Pejabat MARA Daerah Shah Alam serta Pejabat MARA Daerah Petaling.

**Kementerian Kewangan
Putrajaya
15 Ogos 2018**

SENARAI AGENSI DI UTC SELANGOR

Bil.	Agensi
1.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
2.	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
3.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
4.	Klinik Kesihatan UTC
5.	Kementerian Belia & Sukan (KBS) – Youth Centre
6.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
7.	Jobs Malaysia
8.	Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA)
9.	Pusat Maklumat Rakyat, Jabatan Penerangan
10.	PDRM
11.	Agensi Kerajaan Negeri
12.	Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
13.	TEKUN Nasional
14.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
15.	Permodalan Nasional Berhad (PNB)
16.	Pejabat MARA Negeri Selangor
17.	Tabung Haji
18.	KWSP (kiosk sahaja)
19.	Alumni UiTM
20.	Majlis Belia Malaysia